

Buletin



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-ISSN: 2600-8289

Zulhijjah 1445H/ Jun 2024

ACIS

HIKMAH DAN FALSAFAH SERTA PERBAHASAN HUKUM BERKENAAN IBADAH HAJI

Panduan Ringkas Hukum Hakam Ibadat Korban 6
Bermazhab dan Bertaklid dalam Islam 7
Kematian yang dicemburui 9

eISSN 2600-8289



9 77 2600 8280 01



Majlis Anugerah Dekan Sesi 20234

Oleh:

Nurul Safwah Binti Mohd Aminuddin Zaki

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

Jumaat 24 Mei 2024 - Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Cawangan Negeri Sembilan telah mengadakan satu majlis penghargaan akademik iaitu Majlis Anugerah Dekan (MAD). Program ini telah diadakan di Dewan ANjung Seri Perpatih, UiTM Kampus Kuala Pilah. Program ini berjaya dilaksanakan hasil kerjasama bersama Persatuan Diploma Pengurusan Halal (PDPH). Majlis ini dihadiri oleh semua pensyarah ACIS dan beberapa pensyarah jemputan yang terlibat dengan syarahan servicing kepada pelajar DPH. Program ini dijalankan bertujuan untuk meraikan pelajar yang mendapat anugerah dekan dan cemerlang dalam pelajaran di semester ketiga dan semester keempat mereka di UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Selain itu, majlis ini adalah satu majlis penyerahan sijil anugerah dekan dan sekaligus galakan semangat terhadap pelajar diploma pengurusan halal untuk terus maju dalam pelajaran.

Untuk pengetahuan, seramai 98 orang pelajar telah diraikan pada majlis ini, dan mereka merupakan antara pelajar yang cemerlang pada sesi semester 20234. Majlis ini bermula jam 2.45 petang iaitu dimulai dengan kehadiran Ketua Pusat Pengajian, Ustaz Nasif Sidquee Bin Pauzi, diiringi pensyarah ACIS bersama pensyarah jemputan. Majlis kemudiannya diteruskan dengan nyanyian asmaul husna dan Wawasan Setia warga UiTM. Seterusnya, majlis diteruskan dengan bacaan doa oleh wakil pelajar, dan sekaligus ucapan aluan dan perasmian daripada KPP ACIS.

Bagi menghargai usaha mereka dalam pelajaran, pelajar-pelajar yang diraikan pada sesi MAD kali ini dianugerahkan sijil Dekan dan plak kecemerlangan. Sesi penganugerahan sijil telah dibahagikan kepada 3 sidang. Majlis kemudiannya diserikan dengan persembahan sajak dari

wakil pelajar iaitu Che Mohamad Darwisy Danial Fittri Bin Cik Marzuki. Sekitar 3.20 petang, Majlis diteruskan dengan acara kemuncak iaitu sesi penganugerahan sijil untuk didang pertama yang disampaikan oleh KPP ACIS. Sidang Kedua penyampaian sijil dilakukan oleh Koordinator DPH iaitu Dr Mohamad Hasif Bin Jaafar, manakala penyampaian sijil sidang ketiga disampaikan oleh Koordinator ACIS Kampus Seremban iaitu Dr Mohd. Kamel bin Salleh.

Majlis turut diserikan dengan sesi cabutan nombor bertuah yang disampaikan oleh Koordinator ACIS Kampus Rembau iaitu Ustaz Muhammad Noor bin Hussin. Setelah selesai sesi cabutan nombor bertuah, majlis diteruskan dengan sesi fotografi bersama pelajar dan pensyarah yang hadir. Sekitar jam 4.20 petang, Majlis Anugerah Dekan 2024 diakhiri dengan nyanyian lagu UiTM dihatiku. Semoga dengan berakhirnya sesi MAD sesi 20234, majlis ini dapat memberi rangsangan kepada semua pelajar untuk lebih fokus dalam pelajaran.

